

KASIHKU

TERMA & SYARAT

SEMAKAN DISEMBER 2025



Wasiyyah
وصيه

WASIYYAH SHOPPE BERHAD

200401012968 (651471-T)

A-G-07, Dataran Cascades, No, 13A, Jalan PJU 5/1,
PJU 5 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



WasiyyahShoppeBhd



TVWasiyyah

www.wasiyyahshoppe.com.my

TERMA DAN SYARAT
JENIS PERKHIDMATAN: “KASIHKU”

PERUNTUKAN TERMA

‘**Syarikat**’ merujuk kepada Wasiyyah Shoppe Berhad 200401012968 (651471–T) sebuah **Syarikat** amanah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949, organisasi yang berkepakaran di dalam pengurusan harta pusaka dan perancangan harta secara Syariah yang beralamat di A-G-07, Dataran Cascade, No 13A, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor atau apa-apa alamat perniagaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa kepada **Pelanggan**.

‘**Pelanggan**’ merujuk kepada individu yang namanya tercatat di dalam Kad Legasi, Sijil Perkhidmatan dan sistem **Syarikat**. **Pelanggan** ialah pihak yang telah membayar untuk mendapatkan perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan langganannya kekal sah mengikut Terma dan Syarat ini.

ISI KANDUNGAN

1. PERUNTUKAN AM	3
1.1. PRA SYARAT LIABILITI.....	3
1.2. TEMPOH BERTENANG	3
1.3. APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH 30 HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN “KASIHKU”	4
1.4. CAJ PERUBAHAN HARTA DAN PEMBATALAN HARTA	6
1.5. TANGGUNGJAWAB PELANGGAN “KASIHKU”	6
1.6. PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH	8
1.7. OBLIGASI TANGGUNGAN KOS GUAMAN	9
1.8. PERANAN SYARIKAT	9
1.9. NOTIS PINDAAN	10
1.10. PROSES PENYEDIAAN DAN PENYIMPANAN SELAMAT (<i>SAFEKEEPING</i>) DOKUMEN	11
2 DISKRIPSI MANFAAT	11
2.1. PERKHIDMATAN YANG DINIKMATI OLEH PELANGGAN DAN PENERIMA HARTA.....	11
2.2. DOKUMEN YANG TELAH DISEDIAKAN	12
2.4. APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PENERIMA SELEPAS KEMATIANPELANGGAN “KASIHKU”	14
2.5. PROSES RUNDING CARA PENERIMA HARTA DAN WARIS	14
2.6. APA YANG TIDAK TERMASUK SEBAGAI PERKHIDMATAN UNTUK PELANGGAN “KASIHKU”	16
3. CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN	16
4. INDEMNITI SYARIKAT	17
4.1 Tujuan :	17

1. PERUNTUKAN AM

Apa itu “**KASIHKU**”? “**KASIHKU**” ialah satu perkhidmatan pewarisan akaun pelaburan di institusi pelaburan yang ditetapkan yang menggunakan instrumen ‘**Surat Kuasa Wakil**’ atau/dan ‘**Surat Ikatan Amanah**’ sama ada secara serentak atau berasingan. Melalui perkhidmatan ini, **Pelanggan** boleh menetapkan siapa yang akan mewarisi wang daripada akaun pelaburan yang mereka tetapkan. **Pelanggan** bebas untuk menetapkan sendiri sesiapa yang diinginya untuk menerima wang tersebut (Penerima Harta), formula pembahagian (berapa banyak wang yang akan diterima oleh Penerima Harta) dan kaedah pengurusan (bagaimana Penerima Harta akan menerima wang tersebut). Wang daripada akaun yang ditetapkan ini akan terkeluar daripada hukum Faraid serta tidak perlu diagih kepada Waris-warisan mengikut hukum faraid.

Terma dan Syarat Perkhidmatan ini merujuk kepada tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh kedua-dua pihak, **Pelanggan** dan **Syarikat**.

1.1. PRA SYARAT LIABILITI

Liabiliti **Syarikat** adalah tertakluk kepada kepatuhan **Pelanggan** dalam memenuhi dan mematuhi Terma dan Syarat ini.

1.2. TEMPOH BERTENANG

Pelanggan mempunyai tempoh bertenang (*cooling-off period*) **selama tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran terma dan syarat. Di dalam tempoh ini, **Pelanggan** mempunyai hak untuk membatalkan langganan perkhidmatan “**KASIHKU**” dengan menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** dan juga dengan menghantar borang bertulis ke **Pusat Perkhidmatan Pelanggan** dengan merujuk seperti di bawah :

1.2.1. Tempoh Bertenang “Cooling- off Period” :

Tempoh bertenang adalah **tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran **Terma dan Syarat Perkhidmatan**. Jika berlaku pembatalan dalam tempoh tersebut, **semua** pembayaran yang diterima akan dikembalikan kepada **Pelanggan** dengan syarat borang bertulis telah diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh bertenang. Borang bertulis tersebut boleh dihantar sama ada secara serahan tangan atau pos ke pejabat **Syarikat** atau e-mel **Syarikat**.

Sebarang cukai, fi atau caj yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam klausa pemulangan wang ini.

1.2.2. Selepas Tempoh Bertenang **Tujuh (7) hari** :

Jika berlaku pembatalan selepas tamat tempoh **tujuh (7) hari** yang diperuntukkan, **tiada** pemulangan wang dibuat (*refund*) untuk fi perkhidmatan yang telah dibayar.

1.3.APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH 30 HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN “KASIHKU”

Tarikh pendaftaran bermaksud tarikh pembayaran fi langganan iaitu tarikh pembayaran diluluskan oleh **Syarikat**. **Pelanggan** akan menerima perkara berikut di dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** daripada tarikh pendaftaran.

1.3.1. **Kad Legasi** : Kad ini merupakan kad identifikasi **Pelanggan Syarikat**.

Sebaiknya hendaklah disimpan di dalam dompet berserta dengan kad-kad lain seperti kad pengenalan dan kad ATM bank. Apabila berlaku kematian kepada **Pelanggan**, Waris perlu menghubungi **CARELINE** di **03-7680 2000** untuk mendapatkan perkhidmatan. Sekiranya terdapat **permohonan kali ke-empat** untuk cetakan semula kad, pihak **Syarikat** berhak mengenakan caj kepada **Pelanggan**.

1.3.2. **Dokumen Surat Kuasa Wakil** atau/dan berserta **Surat Ikatan Amanah** (atas pilihan **Pelanggan**).

1.3.3. Resit bayaran untuk pendaftaran “**KASIHKU**”. Resit ini boleh diperolehi melalui Dai’e atau pihak **Syarikat** sebagai bukti pembayaran telah diterima oleh pihak **Syarikat**.

1.3.4. **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang menzahirkan secara terperinci spesifikasi perkhidmatan **Syarikat**. Terma dan Syarat ini boleh dihantar secara fizikal (pos) atau di e-mel kepada **Pelanggan**.

1.3.5. **Sijil Perkhidmatan**. Sijil ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan status langganan perkhidmatan yang dilanggan **Pelanggan**.

Sekiranya **Pelanggan tidak menerima mana-mana daripada perkara di atas, **Pelanggan** dikehendaki menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000**.*

1.4. CAJ PERUBAHAN HARTA DAN PEMBATALAN HARTA

Sekiranya berlaku perubahan harta di mana dalam keadaan **Pelanggan** ingin membuat perubahan dokumen disebabkan terdapat penambahan jenis akaun, caj akan dikenakan seperti yang dijelaskan di dalam klausa 2 (2.3) : Diskripsi Manfaat : Perubahan Dokumen.

Sekiranya **Pelanggan** membatalkan (*revoke*) harta, caj akan dikenakan kepada **Pelanggan**.

1.5. TANGGUNGJAWAB PELANGGAN “KASIHKU”

Pelanggan dengan ini bersetuju dan faham bahawa **Pelanggan** mempunyai tanggungjawab berikut bagi memastikan modul perkhidmatan “**KASIHKU**” ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

1.5.1. Memastikan sekiranya terdapat sebarang perubahan dari segi hasrat pembahagian atau pengurusan wang, perubahan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada **Syarikat**. **Syarikat** akan menyediakan segala dokumen yang berkenaan bagi menzahirkan perubahan ini tertakluk kepada klausa 2 (2.3) : Diskripsi Manfaat : Perubahan Dokumen.

1.5.2. Memastikan bahawa sentiasa terdapat jumlah wang yang mencukupi di dalam akaun berkenaan bagi menjalankan arahan pengurusan wang di dalam **Surat Ikatan Amanah** (jika ada).

1.5.3. **Pelanggan** mempunyai tanggungjawab untuk memberikan dokumen sokongan kepada Dai'e untuk diserahkan kepada pihak **Syarikat** bagi proses dokumentasi.

- 1.5.4. Sekiranya dokumen sokongan **Pelanggan** tidak diserahkan kepada **Syarikat** dalam tempoh masa yang ditetapkan, **Pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** dan sekiranya berlaku kematian kepada **Pelanggan**, produk tersebut akan dipindahkan kepada proses pengurusan pusaka sekiranya **Pelanggan** melanggan produk **PRA** atau produk **Al-Wasitah** (yang tidak aktif). Sekiranya terdapat kos melebihi caj perkhidmatan sebelum ini, Waris perlu menanggung kos lebihan tersebut dan sekiranya Waris tidak bersetuju, tiada pemulangan wang yang akan dibuat.
- 1.5.5. Sebarang cukai yang mungkin dikenakan terhadap harta atau/dan hartanah atau/dan Akaun milik **Pelanggan** tidak ditanggung oleh **Syarikat**.
- 1.5.6. Bagi penghantaran dokumen **Pelanggan** secara pos ke luar negara (selain dalam Malaysia), pihak **Syarikat** tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran. **Pelanggan** atau Dai'e perlu bertanggungjawab untuk menanggung sendiri kos penghantaran sehingga akhir proses penghantaran. Caj tertakluk kepada liabiliti **Pelanggan**.
- 1.5.7. Setelah Dokumen Simpanan **Pelanggan** diterima, **Pelanggan** perlu membuat pengesahan penerimaan dokumen simpanan dengan mengimbas **Kod QR Kaji Selidik** pada kad yang dilampirkan bersama dokumen simpanan.

1.5.8. Sekiranya **Pelanggan** mengalami kesulitan untuk mengimbas **Kod QR Kaji Selidik**, **Pelanggan** perlu mengisi kaji selidik secara bertulis pada belakang kad kaji selidik kemudian kembalikan semula kepada **Syarikat** melalui serahan tangan kepada Dai'e atau e-mel ke telewasiyyah@wasiyyahshoppe.com.my atau hantar ke talian *WhatsApp* **CARELINE** 6014-986 1123 dalam tempoh **14 hari** setelah menerima dokumen simpanan. Ganjaran kaji selidik akan diberi kepada **Pelanggan** yang selesai membuat kaji selidik setiap bulan.

1.5.9. Sekiranya **Syarikat** tidak menerima sebarang maklumbalas kaji selidik melalui medium yang telah dijelaskan seperti di atas, pihak **Syarikat** beranggapan bahawa **Pelanggan** masih belum menerima dokumen tersebut. **Pelanggan** perlu membuat laporan kepada pihak **Syarikat** untuk semakan dan tindakan.

1.6. PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH

Sekiranya **Pelanggan** memilih untuk mengagihkan wang kepada beberapa **Penerima**, **Pelanggan** diwajibkan untuk melantik **Pemegang Amanah**. **Pemegang Amanah** boleh dilantik sama ada daripada kalangan individu yang dipercayai oleh **Pelanggan** atau **Syarikat**.

Berikut adalah pertimbangan yang telah dijelaskan kepada **Pelanggan** mengenai risiko pilihan **Pemegang Amanah** dan **Pelanggan** telah faham dan bersetuju mengenainya.

Pilihan Pemegang Amanah	Individu	Syarikat
Pelaksanaan arahan di dalam Surat Ikatan Amanah	Terdapat kemungkinan individu yang dilantik sebagai Pemegang Amanah gagal melaksanakan arahan di dalam arahan Surat Ikatan Amanah.	Syarikat akan melaksanakan arahan di dalam Surat Ikatan Amanah sepenuhnya.
Sikap berkecuali	Terdapat kemungkinan Pemegang Amanah bersikap berat sebelah dan tidak berkecuali.	Syarikat akan bersikap berkecuali dan hanya melaksanakan arahan berdasarkan Surat Ikatan Amanah sahaja.

1.7. OBLIGASI TANGGUNGAN KOS GUAMAN

Tanggungan kos guaman bagi perbicaraan di Mahkamah Tinggi Sivil (jika ada) adalah tanggungjawab Waris (Penerima).

1.8. PERANAN SYARIKAT

Pelanggan faham dan bersetuju bahawa sekiranya **Pelanggan** melantik **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** dengan memberikan arahan khusus di dalam **Surat Ikatan Amanah**, **Syarikat** akan mengenakan fi pengurusan amanah (*trust administration fee*) seperti yang ditetapkan. **Syarikat** mempunyai tanggungjawab dalam memastikan pengurusan data peribadi **Pelanggan** adalah berdasarkan 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi. **Pelanggan** dan Waris yang

didaftarkan sahaja mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan.

1.9. NOTIS PINDAAN

1.9.1. Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini mengikat Waris-waris, Wasi, Pentadbir Harta Pusaka dan semua pihak yang bekepentingan. Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada **Pelanggan**, **Syarikat** pada bila-bila masa boleh mengubah mana-mana **Terma dan Syarat Perkhidmatan ini** dengan menghantar satu (1) notis bertempoh tiga puluh (30) hari melalui pos, sms atau e-mel kepada **Pelanggan**. Bukti penghantaran notis ini dianggap sebagai bukti penerimaan oleh **Pelanggan**.

1.9.2. **Pelanggan** yang tidak bersetuju dengan perubahan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** baru di atas boleh memilih untuk kekal dengan Terma dan Syarat sedia ada dengan menghantar notis bertulis di dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan notis kepada **Syarikat** bagi menzahirkan ketidaksetujuan tersebut.

1.9.3. Walau apapun (*notwithstanding*) klausa 1.9.2 tidak tertakluk kepada pindaan berkenaan apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sekiranya terdapat pelaksanaan baharu atau pindaan terhadap apa-apa cukai, fi, atau caj tambahan oleh Kerajaan pada masa kini atau pada masa hadapan yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan ini, semua bayaran tersebut adalah menjadi tanggungjawab **Pelanggan**. Sekiranya berlaku kematian sebelum bayaran tersebut dijelaskan, tanggungan berkenaan hendaklah diselesaikan oleh waris **Pelanggan** dan boleh dituntut daripada harta pusaka **Pelanggan**.

1.10. PROSES PENYEDIAAN DAN PENYIMPANAN SELAMAT (SAFEKEEPING) DOKUMEN

1.10.1 Dua (2) salinan asal **Surat Kuasa Wakil** atau dua (2) salinan asal **Surat Ikatan Amanah** (jika ada) akan disediakan untuk **Pelanggan**.

1.10.2. Satu (1) salinan asal **Surat Kuasa Wakil** yang telah diakui sah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan disimpan secara digital di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

1.10.3. Satu (1) Salinan **Surat Kuasa Wakil** fizikal yang telah diakui sah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan disimpan oleh **Pelanggan**.

1.10.4. Satu (1) salinan dokumen **Surat Kuasa Wakil** fizikal yang telah diakui sah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan disimpan oleh **Syarikat**.

2 DISKRIPSI MANFAAT

2.1. PERKHIDMATAN YANG DINIKMATI OLEH PELANGGAN DAN PENERIMA HARTA

Apabila **Pelanggan** membayar untuk melanggan perkhidmatan “**KASIHKU**” mengikut caj yang ditetapkan, **Pelanggan** berhak untuk mendapatkan perkhidmatan seperti berikut :

2.1.1. Perkhidmatan penyediaan dokumen **Surat Kuasa Wakil** atau/dan **Surat Ikatan Amanah** yang berkenaan.

2.1.2. Perkhidmatan mendepositkan **Surat Kuasa Wakil** ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

2.1.3. Perkhidmatan menyimpan selamat (*safekeeping*) dokumen yang berkenaan.

2.1.4. Perkhidmatan runding cara peribadi (*personal consultation*) untuk **Penerima Harta** berkenaan selepas kematian **Pelanggan**. Perkhidmatan ini boleh diberikan di rumah **Penerima Harta** (bergantung kepada jadual kakitangan berkenaan) atau di pejabat **Syarikat**. Perkhidmatan memproses tuntutan pembayaran dari syarikat pengurusan pelaburan berkenaan. Pembayaran akan dibuat sama ada terus kepada pihak Penerima (bagi Penerima yang telah ditetapkan oleh **Pelanggan**) atau kepada **Syarikat** (sebagai **Syarikat Amanah** yang dilantik sebagai **Pemegang Amanah**).

2.2. DOKUMEN YANG TELAH DISEDIAKAN

Bagi tujuan “**KASIHKU**” **Pelanggan** akan disediakan **dua (2) bentuk dokumen** bergantung kepada situasi mereka seperti berikut :

2.2.1. Situasi di mana hanya ada **satu (1) Penerima** sahaja.

‘**Surat Kuasa Wakil**’ akan disediakan di mana **Penerima Harta** akan dilantik sebagai ‘Kuasa Wakil’ bagi akaun berkenaan. Selepas kematian, **Penerima Harta** akan menerima segala wang dari akaun berkenaan secara mutlak untuk dirinya sahaja.

2.2.2. Situasi di mana terdapat lebih daripada **dua (2) orang Penerima**.

‘**Surat Kuasa Wakil**’ akan disediakan di atas nama **Pemegang Amanah** sama ada **Pemegang Amanah** Individu atau **Syarikat**. **Pelanggan** mempunyai kebebasan untuk memilih di antara kedua-dua **Pemegang Amanah** ini. Selepas kematian, **Pemegang Amanah** akan menerima segala wang dari akaun berkenaan sebagai amanah untuk pihak benefisiari yang ditetapkan oleh **Pelanggan**.

‘**Surat Ikatan Amanah**’ akan disediakan di mana **Pemegang Amanah** Individu atau **Syarikat** mengisytiharkan bahawa **Pemegang Amanah** memegang wang daripada akaun ini sebagai ‘amanah’ bagi pihak benefisiari-benefisiari yang ditetapkan oleh **Pelanggan**. Wang ini akan diagih dan diurus oleh **Pemegang Amanah** mengikut arahan seperti yang dikehendaki oleh **Pelanggan** di dalam ‘**Surat Ikatan Amanah**’.

2.3. PERUBAHAN DOKUMEN

Sekiranya **Pelanggan** berhasrat untuk mengubah nama Penerima, formula pembahagian atau bentuk arahan pengurusan wang, **Pelanggan** perlu menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** bagi mendapatkan perkhidmatan perubahan dokumen. **Syarikat** hanya bertanggungjawab untuk membantu Waris-waris **Pelanggan** berdasarkan dokumen-dokumen sah yang wujud ketika berlaku kematian ke atas **Pelanggan** sahaja. **Pelanggan** perlu membayar mengikut caj yang ditetapkan untuk perkhidmatan perubahan dokumen.

Caj yang dikenakan adalah berdasarkan nilai semasa akaun ketika sebutarga disahkan. Tiada sebarang caj tambahan sekiranya melibatkan perubahan nilai akaun **Pelanggan**.

2.4. APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PENERIMA SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN “KASIHKU”.

Penerima perlu menghubungi **Syarikat** di talian **CARELINE 03-7680 2000** bagi memaklumkan kematian **Pelanggan** kepada **Syarikat**. Bagi **Pelanggan “KASIHKU”**, **Syarikat** akan meminta **Penerima Harta** berkenaan untuk mengumpulkan kesemua Waris yang terlibat bagi diberikan penjelasan mengenai hasrat si mati dan proses perundangan yang akan dilalui oleh kesemua Waris sebelum menerima wang dari akaun yang ditetapkan. Khidmat rundingcara akan dijalankan secara dalam talian melalui mana-mana platform komunikasi maya yang akan ditentukan oleh **Syarikat** dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, waris **Pelanggan** boleh memohon pelaksanaan khidmat rundingcara di mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia pada bila-bila masa yang dikehendaki waris (tertakluk kepada kebolehsediaan Pegawai Syarikat. **Penerima** dan Waris juga boleh memilih untuk hadir sendiri ke pejabat **Syarikat** pada hari dan waktu yang telah dipersetujui bersama.

2.5. PROSES RUNDING CARA PENERIMA HARTA DAN WARIS

Bagi **Penerima Harta** dan Waris-waris **Pelanggan “KASIHKU”**, **Syarikat** akan menghantar kakitangannya ke lokasi seperti yang telah dipersetujui bersama oleh **Penerima Harta**, Waris-waris dan kakitangan berkenaan. Di dalam sesi runding cara ini, Waris-waris akan diterangkan mengenai :

- 2.5.1. Dokumen-dokumen berkenaan yang telah dibuat oleh **Pelanggan** semasa hidupnya. **Penerima Harta** dan Waris-waris akan dijelaskan mengenai bentuk dokumen yang telah disediakan oleh si mati dan kesannya dari segi undang-undang sivil.

- 2.5.2. Hasrat pembahagian dan pengurusan wang di dalam akaun yang ditetapkan oleh **Pelanggan**. Waris-waris akan dijelaskan mengenai siapakah yang akan menerima wang dan kaedah mereka menerima wang tersebut (jika ada arahan mengenai bagaimana wang tersebut akan diuruskan)
- 2.5.3. Proses perundangan yang perlu dilalui oleh **Penerima Harta** dan Waris-waris. Waris-waris juga akan diterangkan mengenai proses perundangan yang perlu dilalui sebelum mereka boleh menerima wang berkenaan.
- 2.5.4. Perbicaraan di Mahkamah (jika ada). Sekiranya kes ini perlu dibicara di Mahkamah, tanggungan kos guaman untuk kes ini adalah tertakluk kepada klausa 1 (1.7) : Peruntukan Am : Obligasi Tanggungan Kos Guaman.
- 2.5.5. Proses menuntut wang daripada institusi berkenaan. **Syarikat** akan membantu **Penerima Harta** untuk memproses tuntutan wang dari akaun berkenaan dengan menyediakan sebarang bentuk dokumen yang diperlukan. Sekiranya **Penerima Harta** adalah individu, maka pembayaran dari institusi berkenaan akan dibuat terus ke akaun **Penerima Harta**. Sekiranya **Penerima Harta** ialah **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah**, pembayaran dari institusi akan dibuat terus kepada **Pemegang Amanah**.

2.6. APA YANG TIDAK TERMASUK SEBAGAI PERKHIDMATAN UNTUK PELANGGAN “KASIHKU”

- 2.6.1. Sebarang kos berkanun (*statutory cost*) yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa (jika ada).
- 2.6.2. Fi pengurusan amanah (*trust administration fee*) sekiranya **Pelanggan** memilih untuk menggunakan perkhidmatan **Syarikat** atau **Syarikat** amanah sebagai **Pemegang Amanah** yang akan menguruskan wang tersebut mengikut arahan **Pelanggan** di dalam **Surat Ikatan Amanah**.
- 2.6.3. Fi perkhidmatan yang dikenakan oleh peguam sekiranya terdapat keperluan membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi Sivil.

3. CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN

- 3.1 Sebarang fi atau cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam harga produk, caj perkhidmatan atau amaun pemulangan wang.
- 3.2 Semua fi atau cukai Kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh **Pelanggan**. **Syarikat** berhak mengenakan cukai tersebut kepada **Pelanggan** apabila fi atau caj tersebut berkuatkuasa.
- 3.3 Sekiranya terdapat cukai baharu diperkenalkan atau perubahan kadar cukai, **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sebarang pertambahan fi akibat daripada perubahan tersebut akan diselaraskan dalam invois pembayaran berikutnya.
- 3.4 Amaun pemulangan wang yang diproses oleh **Syarikat** tidak termasuk fi atau

cukai kerajaan. Caj tersebut kekal sebagai tanggungan **Pelanggan** dan tidak akan dipulangkan.

4. INDEMNITI SYARIKAT

4.1 Tujuan :

- 4.1.1 **Pelanggan** dan **Penerima Harta** bersetuju untuk mengindemniti dan melepaskan **Syarikat** daripada sebarang kegagalan modus operandi perkhidmatan “**KASIHKU**” ini di dalam keadaan-keadaan berikut :
- 4.1.2 **Penerima Harta** telah gagal mengikuti arahan yang dikeluarkan oleh **Syarikat** atau gagal menghubungi **Syarikat** bagi mendapatkan perkhidmatan selepas kematian **Pelanggan**, sebaliknya bertindak secara bersendirian menuntut wang dari akaun berkenaan.
- 4.1.3 Bagi tujuan menuntut wang dari akaun ini, **Penerima Harta** telah menggunakan perkhidmatan pihak ketiga tanpa merujuk kepada **Syarikat** terlebih dahulu. **Syarikat TIDAK AKAN MENANGGUNG** sebarang kos yang akan dikenakan oleh pihak ketiga bagi tujuan ini.
- 4.1.4 **Pelanggan** tidak menzahirkan kewujudan akaun pelaburan lain di **Syarikat** pelaburan tersebut dan telah menyebabkan proses tuntutan bagi akaun yang tersenarai di dalam perkhidmatan “**KASIHKU**” terjejas.

- 4.1.5 **Pelanggan** semasa hidupnya telah membuat apa-apa tindakan yang menyebabkan wang dari akaun berkenaan lupus atau diserahkan milik (*assign*) kepada pihak ketiga tanpa memaklumkan kepada **Syarikat**.
- 4.1.6 **Pelanggan** semasa hidupnya telah bertindak untuk mengeluarkan sejumlah wang daripada akaun berkenaan sehingga ke tahap di mana ketika kematiannya, tidak terdapat jumlah wang yang mencukupi di dalam akaun tersebut bagi menjalankan arahan pengurusan dan pentadbiran yang ditetapkan oleh **Pelanggan** di dalam **Surat Ikatan Amanah**. (bagi keadaan di mana **Syarikat** dilantik sebagai **Pemegang Amanah**).
- 4.1.7 **Syarikat** dan **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa dokumen-dokumen yang disediakan di bawah “**KASIHKU**” ini adalah bersesuaian, berkuatkuasa dan selari dengan undang-undang yang berkaitan dengan akaun berkenaan ketika dokumen-dokumen ini disediakan. Sekiranya terdapat perubahan undang-undang pada masa akan datang yang menjejaskan hak **Penerima Harta** dan **Pelanggan** telah dimaklumkan secara bertulis oleh **Syarikat** supaya meminda dokumen-dokumen yang telah dibuat, namun **Pelanggan** enggan atau tiada berkesempatan untuk memindanya dan berlaku kematian kepada **Pelanggan**, **Syarikat** akan di indemniti sekiranya dokumen-dokumen yang telah disediakan tidak dapat dilaksanakan kerana perubahan pindaan undang-undang berkenaan.
- 4.1.8 Terdapat perubahan di dalam undang-undang yang berkaitan akaun berkenaan.

4.1.9 Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini mengikat Waris-waris, Wasi, Pentadbir Harta Pusaka dan semua pihak yang berkepentingan.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG